

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 akan diteruskan oleh Kerajaan. Setakat kini, sejauh manakah 6 strategi, 17 objektif strategik dan 115 inisiatif telah tercapai.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan meneruskan keputusan dasar yang dicapai sebelum ini dalam usaha membanteras rasuah di Malaysia. Kerajaan juga meneruskan usaha meningkatkan tadbir urus dan integriti melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, bagi memastikan hasrat meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan. Ini adalah selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 pada 18 Mei 2020 yang menyarankan agar Kerajaan untuk terus komited dalam melaksanakan Pelan Antirasuah Nasional.

Sehingga 31 Mei 2020, sebanyak 28 inisiatif telah selesai dilaksanakan. Merujuk kepada enam (6) strategi dalam NACP berkenaan, berikut adalah pencapaian yang diperoleh setakat 31 Mei 2020:

i)	Tadbir Urus Politik	: 12 Inisiatif
ii)	Pentadbiran Sektor Awam	: 3 Inisiatif
iii)	Perolehan Awam	: 4 Inisiatif
iv)	Perundangan/Kehakiman	: 1 Inisiatif
v)	Penguatkuasaan Undang-Undang	: 6 Inisiatif
vi)	Tadbir Urus Korporat	: 2 Inisiatif

Ringkasan mengikut tahun pelaksanaan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- Jangka Pendek : 1 Tahun – (Jan 2019 - Dis 2019)
15 Inisiatif
Selesai: 15 Inisiatif (100%)
- Jangka Sederhana : 2 Tahun – (Jan 2019 - Dis 2020)
46 Inisiatif
Selesai : 7 Inisiatif (15%)
- Jangka Panjang : 5 Tahun – (Jan 2019 - Dis 2023)
54 Inisiatif
Selesai : 6 Inisiatif (11%)

Definisi ke atas 28 inisiatif yang telah selesai tersebut adalah bermaksud inisiatif yang telah menghasilkan pencapaian diperingkat pengeluaran output. Dalam konteks pelaksanaan sesuatu inisiatif, elemen penilaian merupakan ketetapan asas dalam proses pemantauan kemajuan inisiatif ke arah output yang dihasilkan dan sama ada perubahan yang dibuat tersebut dapat menjamin bahawa inisiatif yang dilaksanakan tersebut berada di landasan yang betul dan disesuaikan dengan dasar semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.